

01 SEP 1998

Mahathir-Anwar

DR MAHATHIR: HUBUNGAN SAYA DENGAN ANWAR BAIK

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan beliau dengan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah "baik".

Diminta mengulas mengenai kemungkinan Anwar meletak jawatan, Dr Mahathir berkata: "itu you kena tanya dia. Jika dia mahu letak jawatan macam mana saya tahu apa yang dia fikir."

"Jika dia tawarkan diri untuk letak jawatan, jika dia beri alasan yang baik, contohnya alasan kesihatan seperti tak boleh bernafas lagi dan sebagainya, maka saya kena terimalah. Semuanya bergantung kepada alasan," kata Dr Mahathir ketika ditemui selepas beliau mengambil bahagian dalam program Wawancara Khas Bersama Perdana Menteri terbitan RTM di Angkasapuri.

Dr Mahathir juga menolak khabar angin mengenai adanya rombakan Kabinet.

"Tidak ada kebenaran sehinggalah ia menjadi kenyataan," katanya.

Semalam selepas mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli Umno Permatang Pauh di Pulau Pinang, Anwar mengulangi beliau tidak akan meletak jawatan daripada mana-mana jawatan kerajaan atau politik.

Namun begitu terdapat khabar angin bahawa Anwar, yang juga Menteri Kewangan telah menyerahkan surat perletakan jawatan.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata Anwar dan Kementerian Kewangan menyokong langkah-langkah baru yang diumumkan Bank Negara hari ini untuk mengawal pengaliran modal.

-- BERNAMA

RAZ MAM